



## SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19

### DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

18 Jamadilakhir 1442 / 01 Februari 2021

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai status terkini jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam bagi Isnin, 18 Jamadilakhir 1442H bersamaan 01 Februari 2021M, setakat jam 12.00 tengahari.

#### Ringkasan Kes

Kes Baru Hari Ini	Jumlah Keseluruhan Kes		
0	180		
Kes Sembuh Hari Ini	Kes Aktif	Kematian	Sembuh
0	6	3	171

Kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19	Jumlah kes import sejak kes jangkitan tempatan terakhir dilaporkan
Dilaporkan pada 6 Mei 2020 (271 hari yang lalu)	39 Kes

#### Ringkasan Pengasingan Diri

Jumlah yang sedang menjalani Pengasingan Diri Mandatori	Jumlah yang telah menamatkan Pengasingan Diri Mandatori (sejak Mac 2020)
504	12,288

#### Ringkasan Ujian Virus SARS-CoV-2

Jumlah Ujian yang dilaksanakan dalam tempoh 24 jam	Jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan (sejak Januari 2020)
232 sampel	92,111

2. Berikutan Sidang Media pada 14 Jamadilakhir 1442 bersamaan dengan 28 Januari 2021 mengenai arahan berjaga-jaga semasa Perayaan Tahun Baru Cina, berikut adalah garis panduan bagi Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina:

- i. Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina boleh diraikan dengan ahli keluarga sahaja dengan mengadakan acara persendirian (*private events* sahaja).
- ii. Kebenaran adalah diberikan kepada keluarga yang besar untuk mengadakan sambutan di dewan bankuet di hotel atau restoran dengan memastikan garis panduan perkumpulan ramai dipatuhi termasuk menyediakan *hand sanitizer* dan menyediakan alat pemeriksaan suhu badan di tempat-tempat masuk premis. Jika jumlah ahli keluarga terlalu ramai, hadkan jumlah kehadiran kepada maksima 350 orang sahaja.
- iii. *Lion dance* adalah dibenarkan dan bagi tempat yang akan mengadakan acara tersebut adalah dikehendaki untuk mendapatkan kod QR BruHealth terlebih dahulu. Ahli-ahli *Lion dance troupe* dan jemputan yang hadir perlu mengimbas kod QR BruHealth sebelum memasuki dan keluar premis berkenaan.
- iv. Sesiapa yang mempunyai tanda-tanda jangkitan atau merasa tidak sihat adalah ditegah untuk menziarahi ataupun diziarahi oleh ahli keluarga.
- v. Amalan bersalaman dengan berjabat tangan dan berpelukan hendaklah dielakkan; memadai dengan memberikan isyarat salam dengan meletakkan tangan di atas dada, memberikan senyuman atau menganggukkan kepala sebagai tanda hormat dan salam. Elakkan sedaya upaya dari menyentuh atau membuat kontak fizikal dengan orang lain.
- vi. Pastikan kebersihan peribadi dan persekitaran sentiasa bersih dan terjaga terutama sekali kebersihan tangan.
- vii. Amalkan etika batuk dan bersin yang betul pada setiap masa.
- viii. Elakkan daripada berkongsi peralatan makan dan minum seperti sudu, garpu, piring dan cawan.

Walaupun Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina adalah berbeza dari tahun-tahun yang sebelum, adalah diharap sambutan pada tahun ini masih dapat diraikan dengan rasa gembira bersama ahli keluarga tersayang dengan selamat.

Apa yang penting ialah untuk sentiasa mengamalkan tanggungjawab sosial kita untuk menghindari dari penularan wabak COVID-19.

3. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui **aplikasi Bruhealth**.

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/1

Tarikh : 18 Jamadilakhir 1442H / 01 Februari 2021M